

Bil. 35

Rabu

21 November 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Peningkatan Elaun dan Insentif untuk Team HAZMAT Bomba**
- *YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)* [Halaman 1]
- **Masalah Kerja Pembangunan Projek Landskap Negara
di Hadapan City Plaza Alor Setar**
- *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* [Halaman 3]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 21 November 2018
Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Peningkatan Elaun Dan Insentif Untuk Team HAZMAT Bomba

2.34 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, *Team HAZMAT* yang ditubuhkan lebih kurang pada tahun 1990-an merupakan satu pasukan yang amat penting di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Team HAZMAT* mengendalikan kerja-kerja yang amat merbahaya, termasuk mengendalikan bahan kimia merbahaya, kebocoran radiasi dan perkara-perkara yang melibatkan *chemical* ataupun *nuclear exposure*.

Kita sedia maklum bahawa operasi-operasi yang dikendalikan oleh *Team HAZMAT* melibatkan risiko dan cabaran yang amat tinggi dan juga memerlukan latihan yang spesifik. Bagi keseluruhan negeri Perak, hanya terdapat satu *Team HAZMAT* iaitu di Bomba Jalan Pasir Puteh yang jumlah anggotanya 31 anggota untuk mengendalikan segala insiden-insiden seperti yang dinyatakan di atas. Kesemua anggota ini adalah bertanggungjawab untuk kes-kes berkaitan yang berlaku di negeri Perak, dari Tanjung Malim sampai ke Gerik. *Team HAZMAT* di negeri Perak perlu bersiap sedia sepenuh masa untuk bertindak atas arahan-arahan.

Elaun atau insentif tambahan yang diberikan hanya RM100 sebulan sahaja. Elaun atau insentif tambahan ini adalah jauh tidak mencukupi dan tidak selaras dengan tahap risiko dan cabaran yang dihadapi oleh *Team HAZMAT*. Jumlah tersebut adalah tidak memadai. Memandangkan jumlah keanggotaan *Team HAZMAT* tidak begitu ramai dan sebarang pemberian insentif tambahan tidak akan melibatkan implikasi kewangan yang besar, adalah

patut supaya pihak kementerian mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meneliti dan memperbaiki sistem dan taraf insentif yang diberikan.

Saya dengan ini mencadangkan supaya kementerian meneliti perkara ini, setelah menyatakan jumlah anggota *Team HAZMAT* yang terlibat dan membuat satu kajian menyeluruh demi meningkat taraf kebajikan anggota-anggota ini yang berkhidmat untuk negara. Sekian, terima kasih

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 17 Pasukan yang telah ada, dicampur satu yang sedang ditubuh di Pengerang iaitu Pasukan Pengurusan Bahan Berbahaya atau dikenali sebagai HAZMAT (*Hazardous Material*) di seluruh negara yang terdiri daripada 625 orang pegawai bomba untuk memberi sedikit pecahan dari segi pasukan-pasukan tersebut.

Di Kedah - satu pasukan; di Pulau Pinang – dua pasukan; Perak – satu pasukan; Selangor – dua pasukan; Wilayah Persekutuan- satu pasukan; Negeri Sembilan – satu pasukan; Melaka – satu pasukan; Johor – dua pasukan termasuk yang di Pengerang yang sedang ditubuhkan; Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Sabah masing-masing satu pasukan; Sarawak – dua pasukan; dan Labuan – satu pasukan. Seiring dengan pembangunan pesat negara, tanggungjawab Pasukan HAZMAT menjadi semakin mencabar dan berisiko tinggi. Unit khas ini bertanggungjawab menangani bahaya kimia iaitu:

- (i) pengendalian tumpahan bahan kimia berbahaya;
- (ii) menangani kebocoran radiasi;
- (iii) memadam api yang mempunyai unsur kimia berbahaya; dan
- (iv) menangani CBRNe (*Chemical, Biological, Radioactive and Nuclear explosive*).

Secara purata, sejak tahun 2013, Pasukan HAZMAT telah menghadiri operasi sebanyak 1,700 kes setahun melibatkan tumpahan dan kebocoran bahan berbahaya.

Selain daripada risiko melibatkan tumpahan dan kebocoran bahan berbahaya, tugas menyelamatkan telah menjadi lebih kompleks dan dinamik di mana Pasukan HAZMAT terlibat secara langsung dalam penyelamatan dari ancaman pengganas yang melibatkan senjata kimia dan biologi seperti *anthrax*.

Berikutan dengan itu, pada tahun 2013, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membuat penjenamaan semula Pasukan HAZMAT kepada Pasukan HAZMAT dan CBRNe (*Chemical, Biological, Radioactive and Nuclear explosive*). Hasil penjenamaan tersebut telah membuka peluang untuk JBPM berkolaborasi dengan agensi-agensinya dari dalam dan luar negara seperti *International Atomic Energy Agency (IAEA)*, *Organization for the Prohibition of Chemical Weapons (OPCW)* dan lain-lain yang melibatkan perkongsian ilmu dan kemahiran, latihan di lapangan dan juga peralatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meluluskan Bayaran Insentif HAZMAT sebanyak RM100 sebulan pada tahun 2004 dan kadar ini tidak pernah dikaji semula. Justeru, KPKT telah mengemukakan permohonan kepada pihak Agensi Pusat pada bulan September 2018 dengan cadangan untuk menaikkan kadar bayaran kepada RM250 sebulan berbanding kadar sedia ada iaitu RM100 iaitu lebih sekali ganda, ya.

Ini bagi menghargai pengorbanan dan jasa pegawai bomba yang tidak ternilai kerana mereka sentiasa terdedah dengan bahan berbahaya dan kecederaan serta risiko kehilangan nyawa setiap kali keluar ke tempat kecemasan untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda awam. Permohonan bagi menaikkan kadar bayaran tersebut masih lagi dalam pertimbangan pihak kerajaan (Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan). Sekian, untuk makluman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1440

Masalah Kerja Pembangunan Projek Landskap Negara di Hadapan City Plaza Alor Setar

2.40 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas masalah yang disebabkan oleh kerja-kerja pembangunan projek Landskap di hadapan City Plaza Alor Setar.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek tersebut sudah bermula pada tahun lepas dan asalnya dijadualkan siap pada Ogos 2018. Akan tetapi, terdapat banyak tangguhan sehingga kini masih belum jelas tempoh persiapan projek. Keadaan ini telah membawa gangguan ke atas perniagaan dan lalu lintas kawasan tersebut.

Terdapat juga aduan bahawa projek tersebut akan mengurangkan tempat parkir dan turut membawa kesan negatif kepada perniagaan sepanjang jalan. Minta pihak kementerian menjelaskan apa rasional perubahan landskap tersebut dan langkah-langkah yang akan

diambil untuk mengurangkan kesan negatif ke atas perniagaan tempatan. Minta pihak kementerian menyatakan juga apa punca yang menyebabkan kelewatan persiapan projek tersebut serta apa langkah penyelesaian yang akan diambil. Sekian, terima kasih.

2.41 ptg.

Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd Samad]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Alor Setar, kementerian saya mengambil alih Jabatan Landskap dua minggu lepas. So, ia masih merupakan satu bidang ataupun portfolio yang baru. Namun seperti biasa jawapan disediakanlah, ya. Hanya yang membacakannya sahaja orang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Alor Setar, projek landskap Perbadanan Alor Setar merupakan salah satu usaha kerajaan melalui Jabatan Landskap Negara untuk menghidupkan bandar dan menurunkan suhu persekitaran. Usaha ini akan meningkatkan kualiti persekitaran dan keseimbangan pembangunan fizikal melalui perwujudan kawasan landskap, jaringan hijau, tempat tumpuan awam serta nodus utama di dalam bandar.

Pembinaan projek ini telah dimulakan seperti mana yang disebutkan tadi, pada 28 September 2017 dan dijadualkan siap sepenuhnya pada 23 Januari 2019. Asalnya atau sepatutnya siap pada bulan Ogos 2018 seperti mana yang disebutkan tetapi ada berbagai-bagai masalah yang akan saya sentuh kemudian, ya. Pembangunan ini sebenarnya merangkumi lapan komponen pembangunan bagi kawasan-kawasan seperti berikut:

- (i) Koridor Sungai Raja;
- (ii) Jalan Langgar;
- (iii) Jalan Tunku Ibrahim (City Plaza), yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi;
- (iv) Jalan Sultan Badlishah & Star Walk;
- (v) Jalan Teluk Wanjah;
- (vi) Jalan Stesen;
- (vii) Jalan Kolam Air;
- (viii) Lebuhraya Darul Aman; dan
- (ix) Dataran / Medan Bandar.

Bagi kawasan di hadapan City Plaza, projek dijangka siap pada 15 Disember 2018. Untuk makluman Yang Berhormat, reka bentuk pembangunan Landskap Perbandaran ini tidak akan menyebabkan pengurangan jumlah tempat letak kereta (TLK) di hadapan City Plaza, malahan dengan penyiapan projek ini apabila projek ini siap, ianya akan menambahkan lagi

jumlah tempat letak kereta yang sedia ada daripada 40 ke 80 ruang meletak kenderaan. Kawasan ini direka bentuk sebagai ruang terbuka bagi tujuan penganjuran majlis-majlis keramaian awam. Saya rasa Yang Berhormat pun tahu, ia diperluaskan dan boleh dibuka untuk membenarkan khemah-khemah dan sebagainya dipasang dan ramai yang boleh hadir. Perkara ini telah dibentangkan dan dimaklumkan kepada umum dalam sesi *Town Hall* Majlis Bandaraya Alor Setar dan Penyertaan Awam (*Public Engagement*) yang bertarikh 21 Februari 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kelewatan penyiapan pembangunan di kawasan City Plaza oleh kontraktor adalah bagi menyelesaikan isu utiliti bawah tanah yang ditemui semasa proses pembinaan. Ini masalah dan kalau korek-korek, tidak tahu dekat bawah itu ada utiliti. Selepas korek baru dia jumpa, ya. Rekod-rekod kewujudan utiliti ini mungkin tidak *up-to-date*, ya. Selain daripada itu, beberapa arahan penangguhan kerja disebabkan kawasan pembinaan yang dibuka untuk penganjuran upacara-upacara peringkat negeri oleh Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Pilihan Raya Umum dan juga Hari Kemerdekaan.

Aktiviti-aktiviti ini telah menyebabkan kerosakan bagi komponen *pavement* serta turapan jalan akibat impak penggunaan kenderaan awam dan berat di kawasan tersebut. Hal ini telah menyebabkan kawasan City Plaza tersebut perlu ditutup sepenuhnya bagi tujuan menjaga keselamatan awam pada sepanjang tempoh pihak kontraktor menambah baik kawasan yang telah rosak dan menyiapkan kawasan yang masih dalam proses pembinaan.

So kita terpaksa, oleh kerana sudah rosak, *loading* dan sebagainya, pihak Jabatan Landskap Negara akan berusaha untuk memastikan projek ini siap pada tarikh yang ditetapkan, iaitu yang dikatakan tadi, 15 Disember, tidak lama lagi, bagi mengurangkan implikasi kepada pekedai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 22 November 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.46 petang]